

# Kecaman terhadap DEB dibuat tanpa penyelidikan

BANYAK tesis dan penerbitan di luar negara mengecam Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan apa saja dasar berkaitan orang Melayu/Bumiputera. Malah, kecaman oleh pemimpin atau duta asing mengenai isu ini bukan perkara baru, terutama daripada mereka yang buta sejarah mengenai pembentukan Malaysia. Terbaru ialah kenyataan duta dan Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel yang mahu kerajaan menghapuskan DEB. Dalam kritikan yang jika dari sudut diplomatik sudah boleh dianggap sebagai campur tangan asing itu, Rommel secara terbuka mempersoalkan DEB dilaksanakan sejak 37 tahun lalu memberi keistimewaan pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan beberapa bidang lain kepada orang Melayu dan Bumiputera. Rommel juga mendakwa sebahagian besar kegiatan ekonomi domestik di negara ini tidak memberi ruang kepada syarikat asing. Dia menuduh kerajaan menggunakan DEB sebagai alasan melindungi pasaran Malaysia, termasuk sektor automotif, besi, barang pengguna, pertanian, perkhidmatan dan kontrak kerajaan. Sebenarnya, Rommel dan golongan tidak suka kepada DEB tidak memahami latarbelakang pembangunan serta sejarah Malaysia. Kita tidak faham apabila Rommel mendakwa sebahagian besar kegiatan ekonomi domestik di negara ini tidak memberi ruang kepada syarikat asing. Walaupun mana-mana kerajaan pasti memberi keutamaan kepada rakyatnya dalam aspek ini, Rommel ternyata tidak membuat penyelidikan apabila membuat tuduhan itu. Dia tidak melihat fakta banyak pegangan asing dalam syarikat tempatan, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Syarikat ini diberi pelbagai projek oleh kerajaan dan sudah pasti pelabur asing di dalamnya menikmati faedah.

Kecaman terhadap DEB lebih kuat didengar ekoran kehadiran globalisasi yang kononnya mengkehendaki 'pandang permainan sama rata'. Kita bukan antiglobalisasi dan terpaksa menerima hakikat itu, tetapi kerajaan juga bertanggungjawab memastikan pembangunan serta kekayaan negara diagih lebih seimbang antara kaum. Malah, strategi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) terus meniupkan semangat DEB dan tidak boleh diketepikan, selagi wujud perbezaan kaum di negara ini dalam merapatkan jurang kemiskinan. Kita kesal apabila ada pihak beranggapan matlamat mencapai pegangan seimbang dalam pembangunan adalah idea lapuk tidak relevan dalam era globalisasi.

Kerajaan sudah melaksanakan DEB dalam konteks mengembangkan ekonomi dan ia memastikan semua sektor dan komuniti meraih manfaat daripada kemakmuran ekonomi. Bank Dunia pernah menyifatkan pencapaian pembangunan sosioekonomi Malaysia suatu yang ajaib dengan merujuk kepada prestasi ekonomi mapan dalam jangka masa 1970-1990. Natijah ini adalah hasil langsung DEB berorientasikan falsafah 'pertumbuhan dan pengagihan.' Bagi kita, matlamat DEB untuk semua dan kerajaan berusaha bersungguh-sungguh membantu orang Melayu/Bumiputera. Bagaimanapun, kita turut kesal dengan sikap segelintir masyarakat Melayu mengambil jalan mudah seperti 'mengalibabakan' projek iaitu isu lama yang masih menebal. Ia semua ancaman kepada orang Melayu sendiri dan kecaman pihak luar terhadap DEB adalah serangan terus kepada budaya buruk segelintir orang Melayu yang menghakis kewibawaan dan moral budaya Melayu itu sendiri. Satu kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2004 mendapati jika keadaan sedia ada dikekalkan dan tidak berlaku penjana semula orang Melayu dan Bumiputera akan mengambil masa antara 150 hingga 160 tahun mencapai pariti pendapatan dengan kaum lain. Justeru, sementara kita melenting dengan sikap biadab pemimpin asing mengkritik DEB, Melayu/Bumiputera juga perlu mengubah sikap supaya menepati matlamat sebenar DEB.